

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk penyelesaian yang telah dilaksanakan terhadap sistem rawatan COVID-19 di negeri Sabah dalam aspek :-

- (a) kecukupan silinder oksigen di wad ICU; dan
- (b) kepadatan wad ICU mengikut hospital serta jumlah pesakit COVID-19 tahap 4 dan 5 yang gagal dirawat secara berfokus di wad ICU.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan komited dalam memastikan bekalan gas oksigen perubatan sentiasa mencukupi termasuk di negeri Sabah.
2. Berdasarkan kepada penggunaan gas oksigen perubatan bulanan di seluruh Sabah iaitu sebanyak 40% daripada kapasiti bekalan gas oksigen perubatan bulanan, didapati bekalan gas oksigen perubatan adalah mencukupi.
3. Kementerian Kesihatan juga telah membuat perolehan alat *Oxygen Concentrator* mulai pertengahan tahun 2020 dengan memperuntukkan sebanyak **RM144 juta** bagi tujuan perolehan peralatan dan tangki oksigen. Selain itu, negeri Sabah turut menerima peruntukan tambahan alat *Oxygen Concentrator* melalui mobilisasi dari Semenanjung ke Sabah.
4. Selain itu, sebanyak 480 silinder oksigen, 48 oksigen regulator dan stok ubat-ubatan juga telah dihantar ke Sabah sebagai peralatan perubatan tambahan dan sebahagian daripada langkah kesiapsiagaan KKM dalam menghadapi trend peningkatan kes jangkitan COVID-19 di Sabah bermula 7 September yang lalu.
5. Berhubung dengan kepadatan wad ICU di hospital-hospital di negeri Sabah, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:
 - (i) Menambah bilangan katil *re-purposed* untuk perawatan pesakit kritikal di luar ICU di hospital. Melalui penukaran fungsi (*repurposing*) beberapa katil sebagai katil kritikal, hospital-hospital di negeri Sabah berupaya untuk menambah 77 katil kritikal;
 - (ii) Sejumlah 13 hospital tanpa pakar telah dipersiapkan untuk menerima pesakit kategori 3 hingga 5 dan turut menjadi tempat

SOALAN NO : 18

sementara rawatan pesakit kategori 4 sebelum dipindahkan ke wad ICU hospital berpakar. Pesakit-pesakit ini dipantau oleh pakar-pakar berkaitan sama ada secara fizikal mahupun secara maya (video konferens);

- (iii) Mewujudkan hospital medan di daerah Tawau dan Sandakan untuk memberi rawatan pesakit kategori 4; dan
- (iv) Membina Field Hybrid *Intensive Care Unit* (ICU) di Hospital Tawau yang sedang dalam proses pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada pertengahan bulan September ini bagi menampung peningkatan pesakit yang memerlukan rawatan rapi dan kritikal.

Sekian, terima kasih.